

**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

**PERAKUAN BAGI TAWARAN KEMASUKAN BAGI SIDANG AKADEMIK 2022/2023**

Sila ambil perhatian bahawa tawaran kemasukan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

1. Syarat-syarat Kemasukan

1.1 Program Pengajian Peringkat Diploma

- 1.1.1 Lulus peperiksaan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.
- 1.1.2 Lulus syarat am universiti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi Sidang Akademik 2022/2023.
- 1.1.3 Lulus syarat khas Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti bagi Sidang Akademik 2022/2023.

1.2 Program Pengajian Peringkat Ijazah

- 1.2.1 Lulus peperiksaan peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Matrikulasi/Asasi/Diploma atau setaraf yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia.
- 1.2.2 Lulus syarat am universiti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi Sidang Akademik 2022/2023.
- 1.2.3 Lulus syarat khas Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti bagi Sidang Akademik 2022/2023.

2. Ingin diingatkan bahawa tawaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan, segala maklumat yang anda telah berikan semasa membuat permohonan kemasukan ke IPTA/UniMAP adalah benar. Jika terdapat maklumat palsu, pihak UniMAP berhak menarik balik tawaran ini atau menamatkan pengajian anda pada bila-bila masa.

3. Pemeriksaan Kesihatan

- 3.1 Pelajar dikehendaki membuat pemeriksaan kesihatan di Pusat Kesihatan UniMAP (PKU) setelah kehadiran ke kampus UniMAP.
- 3.2 Pendaftaran anda sebagai pelajar tertakluk kepada pengesahan daripada Pegawai Perubatan bahawa anda adalah layak dari segi kesihatan.
- 3.3 Laporan Pemeriksaan Kesihatan akan menjadi hak milik UniMAP dan anda tidak dibenarkan menuntut balik dokumen tersebut walaupun anda mengambil keputusan untuk menarik diri dari UniMAP.

Jika perlu, pihak berkuasa UniMAP akan membuat Pemeriksaan Perubatan Lanjutan ke atas diri anda di hospital yang dipilih oleh pihak UniMAP selepas anda mendaftar diri sebagai pelajar. Jika ini berlaku, anda mungkin dikehendaki membiayai perbelanjaan rawatan yang terlibat.

4. Sekiranya anda sedang bekerja, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mendapatkan kebenaran majikan bagi mengikuti Program Pengajian yang ditawarkan.

5. Setelah didaftarkan secara rasmi, anda :

5.1 Dikehendaki patuh kepada :

- 5.1.1 Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Negara yang berkuatkuasa;
- 5.1.2 Perlembagaan Universiti Malaysia Perlis [P.U. (A) 468/2010];
- 5.1.3 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009) [Akta 30];
- 5.1.4 Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Perlis (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 [P.U. (A) 230];
- 5.1.5 Peraturan Akademik UniMAP;
- 5.1.6 Statut–Statut Universiti Malaysia Perlis, Kaedah-Kaedah serta Peraturan-Peraturan Universiti Malaysia Perlis dan sebagainya;
- 5.1.7 Keputusan-keputusan Lembaga Pengarah Universiti, Senat Universiti, Majlis-Majlis Pusat Pengajian, Naib Canselor UniMAP dan pihak berkuasa tatatertib UniMAP;
- 5.1.8 Kod (Tatakelakuan Pelajar Dalam Aktiviti-aktiviti Politik Di Dalam Kampus) Universiti Malaysia Perlis berkuatkuasa mulai 18 Februari 2013; dan
- 5.1.9 Peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh pihak Pengurusan UniMAP dan Kolej Kediaman.

5.2 Mestilah bersedia membayar semua yuran pengajian dan yuran-yuran lain yang dikenakan terhadap anda, tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti.

5.3 Dikehendaki sentiasa berpakaian kemas dan sesuai dengan keperluan kursus yang anda ikuti di UniMAP.

5.4 Dikehendaki mengambil bahagian secara aktif dalam kegiatan akademik, kebudayaan, sukan, sosial serta khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh UniMAP.

6. Sekiranya anda didapati dan dibuktikan telah atau sedang melakukan sebarang perkara yang bertentangan dengan syarat-syarat di atas selepas didaftar sebagai Pelajar Berdaftar di UniMAP dan jika pada mana-mana peringkat pengajian, pihak UniMAP mendapati sebarang kenyataan dan/atau maklumat yang diberi dalam permohonan anda tidak benar, pihak berkuasa UniMAP berhak mengambil tindakan undang-undang dengan mengenakan penalti yang seimbang dengan kesalahan anda dan menarik balik surat tawaran kemasukan ke UniMAP.

7. Sekiranya anda menerima tawaran kemasukan dan menarik diri selepas mendaftar diri sebagai pelajar berdaftar UniMAP, Yuran Tidak Berulang akan diluputkan.

8. Anda dikehendaki mendaftar diri sebagai pelajar pada tarikh yang ditetapkan. Sekiranya anda gagal berbuat demikian, kebenaran hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada pihak UniMAP secara bertulis sebelum tarikh pendaftaran.

**PIHAK UniMAP TIDAK AKAN MENGHANTAR SEBARANG PERINGATAN KEPADA ANDA MENGENAI TAWARAN KEMASUKAN DAN TAWARAN INI BOLEH DITARIK BALIK JIKA ANDA GAGAL MEMENUHI SYARAT TERSEBUT DI ATAS.**

**NAMA [HURUF BESAR]**

Seperti di Kad Pengenalan

:

\_\_\_\_\_

**NO. KAD PENGENALAN**

:

\_\_\_\_\_

**PROGRAM PENGAJIAN**

:

\_\_\_\_\_

**KOD PROGRAM PENGAJIAN**

:

\_\_\_\_\_

**TANDATANGAN**

:

\_\_\_\_\_

**TARIKH**

:

\_\_\_\_\_